




**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

1. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
2. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Suruhanjaya Tenaga (SST)** (bagi kerja elektrik). Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebutharga ini juga **WAJIB berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson**. Pendaftaran boleh dibuat di **Jabatan Kejuruteraan**. Kesemua Sijil tersebut perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 3 bulan selepas tarikh tutup sebutharga.
3. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor dinasihatkan untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi memberikan harga kerja yang munasabah. Sekiranya kontraktor memerlukan sebarang maklumat dan keterangan lanjut sila berhubung dengan Jabatan yang berkaitan (seperti dalam naskah sebutharga). **Borang Sebutharga boleh diperolehi di Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor (Blok A)**. Kontraktor **WAJIB** membawa dokumen-dokumen asal seperti yang dinyatakan pada perenggan 2 semasa proses pendaftaran dan pembelian naskah sebutharga.
4. Pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang sah sahaja. Wakil kontraktor hendaklah membawa surat wakil ASAL yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. **KONTRAKTOR ATAU WAKIL TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMBELI NASKAH SEBUT HARGA BAGI SYARIKAT LAIN**.
5. Kaunter Terimaan Hasil menerima bayaran bermula jam 8.30 pagi sehingga 3.00 petang (rehat Isnin – Khamis 1.00 petang – 2.00 petang dan Jumaat 12.15 petang – 2.45 petang).

6. Kontraktor digalakkan mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (*Social Distancing*) dan memakai pelitup muka (*Face Mask*) semasa berurusan di Kaunter MPPD. Sebarang pelanggaran arahan oleh pihak tuan akan di ambil tindakan.
7. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, MPPD**. Nombor sebut harga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan. MPPD berhak untuk tidak menerima sebut harga yang lewat daripada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
8. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebut harga. Walaubagaimanapun Kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
9. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak syarikat / kontraktor. MPPD berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan.
10. MPPD adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. MPPD berhak untuk membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya pihak kontraktor terlibat dalam membuat pakatan harga dengan kontraktor-kontraktor lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.
11. **Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pusat Khidmat Kontraktor dan CIDB di bawah Gred, Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan dan masih dibenarkan untuk membuat kerja-kerja Sebut Harga adalah dipelawa untuk menyertai sebut harga seperti di lampiran

Tandatangan : .....  .....

Nama Pegawai : ..... MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA .....  
 ..... Yang Dipertua .....  
 ..... Majlis Perbandaran Port Dickson .....

Jawatan : .....

Tarikh : ..... 24 Mac 2021 .....

**LAMPIRAN**

No. Sebut Harga & Harga Dokumen	Tajuk Projek	Gred Kontraktor/ Kategori & Pengkhususan	Tempat, & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut harga Ditutup
S0022/23 RM 50.00	Cadangan Menaiktaraf Taman Permainan Di Bandar Springhill (Jalan Springhill 2/12) Port Dickson	<b>G1</b> Kategori CE  Pengkhususan CE14	Bahagian Perolehan, Aset & Stor MPPD  <b>Tarikh :</b>  <b>3.4.2023</b>  <b>Hingga</b>  <b>10.4.2023</b>	Bahagian Perolehan, Aset & Stor MPPD  <b>Tarikh :</b>  <b>10.4.2023</b>  <b>Jam 12.00 t/hari</b>
S0023/23 RM 150.00	Penyelenggaraan Pokok Ameniti (Pokok Teduhan) Serta Lain - Lain Kerja Berkaitan Di Taman Impian Putra, Taman Toh Kee Kah, Taman Samudera, Taman Bukit Orkid, Taman Orkid, Taman PD Suria, Taman Kg Paya, Taman Damai, Taman PD Akasia, Taman PD Hartamas, Taman PD Tropika, Taman Sri Mawar Dan Taman Putra Port Dickson.	<b>G2</b> Kategori CE  Pengkhususan CE14		
S0024/23 RM 50.00	Penyelenggaraan Pokok Ameniti (Pokok Teduhan) Serta Lain - Lain Kerja Berkaitan Di KM3 Jalan Pantai (Dari Persimpangan BHP Sehingga Hotel Sunshine) Dan Taman Komuniti Awam Port Dickson.	<b>G1</b> Kategori CE  Pengkhususan CE14		

**\*NOTA - Hanya Surat Kebenaran Khas yang diperolehi dari CIDB / PKK sahaja yang diterima dan diperakukan. Dokumen lain seperti resit bayaran atau surat permohonan ke CIDB / PKK tidak akan diterima.**

**Kaunter Terimaan Hasil Beroperasi Mengikut Masa Seperti Ketetapan Berikut :-**

**MASA : 8.30 PAGI HINGGA 3.00 PETANG (HARI BEKERJA)**

**WAKTU REHAT : 1.00 HINGGA 2.00 PETANG (ISNIN - KHAMIS)**

**: 12.15 TENGAHARI HINGGA 2.45 PETANG (JUMAAT)**



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**


Tawaran adalah dipelawa dari penyebutharga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan/perkhidmatan di bawah kepala dan sub kepala yang berkaitan seperti berikut:-

<b>NO. SEBUT HARGA</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KEPALA/ SUB KEPALA</b>
S0019/23 (RM 50.00)	Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Perkakasan, Perisian & Lain-Lain Peralatan ICT Di Majlis Perbandaran Port Dickson	210101 / 210102 & 210103
S0020/23 (RM 50.00)	Perkhidmatan Membangun, Membekal, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Sistem Permohonan Lesen Atas Talian Di Majlis Perbandaran Port Dickson	210102, 210103 & 210104
S0021/23 (RM 50.00)	Membekal Dan Menghantar Cenderamata Majlis Perbandaran Port Dickson Untuk Tahun 2023	030201 / 030299

1. Setiap dokumen sebut harga boleh dibeli di **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Blok A, Majlis Perbandaran Port Dickson, 71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus** mulai pada **03 April 2023**. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan.
2. Pembekal hendaklah membawa sijil asal:-
  - a) **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)\***
  - b) **Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia\***
  - c) **Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia\***
  - d) **Sijil Pendaftaran MPPD\***

**\*semasa pembelian naskah sebut harga**
3. Pembekal perlulah berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson. Pendaftaran pembekal boleh dibuat di Jabatan Kejuruteraan, MPPD.
4. Pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada pembekal atau wakil pembekal yang sah serta membawa surat perwakilan kuasa sahaja. **PEMBEKAL ATAU WAKIL TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMBELI NASKAH SEBUT HARGA BAGI SYARIKAT LAIN.**
5. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga sebelum atau pada **10 April 2023 jam 12.00 tengah hari di Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Blok A, Majlis Perbandaran Port Dickson, 71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus.**
6. Nombor sebut harga dan juga tajuk bekalan/perkhidmatan hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. **Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan. MPPD berhak untuk tidak menerima sebut harga yang lewat daripada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.**
7. Pembekal dinasihatkan agar mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (*Social Distancing*) semasa berurusan di Kaunter MPPD. Sebarang pelanggaran arahan oleh pihak tuan/puan akan diambil tindakan.
8. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebut harga. Walaubagaimanapun kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
8. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak syarikat. MPPD berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan.
10. MPPD adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. MPPD berhak untuk membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya pihak syarikat terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

11. Kaunter Terimaan Hasil menerima bayaran bermula jam 08.30 pagi hingga 3.00 petang (rehat Isnin - Khamis 1.00 petang - 2.00 petang dan Jumaat 12.15 petang - 2.45 petang).

Tandatangan :   
Nama Pegawai : .....  
Jawatan : .....  
Tarikh : *24 Mac 2023*

**MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA**  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Port Dickson

**MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA**  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Port Dickson

**Kaunter Terimaan Hasil Beroperasi Mengikut Masa Seperti Ketetapan Berikut :-**

**MASA : 8.30 PAGI HINGGA 3.00 PETANG (HARI BEKERJA)**

**WAKTU REHAT : 1.00 HINGGA 2.00 PETANG (ISNIN - KHAMIS)**

**: 12.15 TENGAHARI HINGGA 2.45 PETANG (JUMAAT)**